UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PROSIDING



Seminar INSIGHTS 2002
Universiti Teknologi MARA

BRC (Biro Penyelidikan & Perundingan), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam

Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor
Malaysia

© 2001. Biro Penyelidikan dan Perundingan. Hak cipta Terpelihara.

Sila majukan sebarang pertanyaan kepada:

Penolong Naib Canselor(Penyelidikan)
Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor, Malaysia

Tel : 603 5544 2094 / 2093 / 2092
Fax : 603 5544 2096
e-mel : azniz132@salam.uitm.edu.my



Jawatankuasa Penyunting

Penaung	:	Y. Berbahagia Datuk Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
Penasihat	:	Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Abdul Halim Mohd.Nawawi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Penyelidikan Universiti Teknologi MARA
Ketua Penyunting	:	Prof. Dr. Azni Zain Ahmed Penolong Naib Canselor(Penyelidikan) Universiti Teknologi MARA
Penyunting	:	Prof. Madya Dr. Zainon Mohd. Noor Koordinator Penyelidikan (Sains dan Teknologi) Prof. Madya Dr. Rosmimah Mohd.Noor Kooordinator Penyelidikan (Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan)
Lembaga Penyunting:		Prof. Madya Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman Omar Dr. Rashidah Abd. Rahman Cik Dapeah Ahmad

KAJIAN TENTANG STAIL PEMBELAJARAN PELAJAR (KAJIAN KES DI UiTM CAWANGAN PAHANG)

Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad
Pusat Perkembangan Pendidikan (EDC)
Ahmad Saat
Jamaludin Ahmad
UiTM Cawangan Pahang

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti stail pembelajaran pelajar UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka; stail pembelajaran yang paling dominan yang diaplikasikan oleh pelajar dan membuat perbandingan dan kajian korelasi antara stail pembelajaran dengan program yang diikuti oleh pelajar. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif deskriptif digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini. Seramai 493 orang responden telah mengembalikan borang soal selidik (yang dibina oleh Honey dan Mumford) yang diedarkan kepada 1000 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai program. Hasil kajian mendapati majority pelajar adalah mengamalkan stail pembelajaran jenis reflector apabila nilai minnya ialah 16.28 diikuti oleh teoris 14.15, pragmatis 13.41 dan aktivits 10.85. Manakala stail pembelajaran yang paling dominan ialah jenis reflector 61/7% diikuti jenis campuran 15.2% (lebih daripada satu stail pembelajaran), teoris 11.4%, pragmatis 6.9% dan aktivis 4.9%. Pelajar siswi didapati lebih bersifat reflector berbanding pelajar lelaki. Secara relatif pelajar siswa lebih menunjukkan peratus yang lebih tinggi bagi stail pembelajaran aktivis, teoris dan pragmatis berbanding yang dipilih oleh siswa dan siswi tidak bergantung kepada faktor jantina, jenis program dan peringkat semester yang dihadiri mereka.

PENGENALAN

Stail pembelajaran merujuk kepada teknik dan strategi yang paling digemari yang diterima-pakai oleh seseorang individu semasa belajar. Selalunya, orang mempunyai kecenderungan yang berbeza dalam cara mereka belajar, oleh itu mereka akan menerima-pakai stail yang berlainan. Dari pandangan ahli-ahli pendidikan terdapat banyak model bagi stail pembelajaran. Sebagai contohnya, dalam majalah tulisan DeBello (1990), beliau telah menghuraikan sebelas daripada model-model stail pembelajaran tersebut. Bagi Honey dan Mumford (1994) pula stail pembelajaran boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu, stail aktivis, reflektor, teoris dan pragmatis.

Orientasi stail pembelajaran seseorang individu berkemungkinan merupakan salah satu penentu terpenting bagi tahap pencapaian pendidikan seseorang itu. Hal ini kerana stail pembelajaran sebenarnya ialah suatu jalinan bagi ciri-ciri kognitif, afektif dan faktor psikologi yang

menuntun seseorang individu itu berinteraksi dan respon terhadap persekitaran pembelajaran (Duff, 2000). Atas dasar inilah maka banyak penyelidikan tentang stail pembelajaran dilaksanakan oleh ramai penyelidik kebelakangan ini.

Dalam suatu situasi pengajaran dan pembelajaran kecenderungan stail pengajaran seseorang pengajar kadang-kadang saling melengkapi dan kadang-kadang berantagonis dengan stail pembelajaran pelajar. Jika kesan berantagonis ini diambil ringan ia boleh menjadi penghalang kepada pembelajaran yang berkesan (Atherton, 2000). Oleh yang demikian, pelarasan dan pengubahsuaian mungkin perlu dilakukan dari segi stail masing-masing pengajar dan pelajar, supaya dapat memudahkan cara pembelajaran yang berkesan.

Para pelajar yang kecenderungan stail pembelajarannya sepadan dengan stail pengajaran pengajarnya berkebolehan untuk menyimpan maklumat yang dipelajari lebih lama, menggunakannya dengan lebih berkesan, dan mempunyai sikap yang positif terhadap kursus yang diikuti berbanding rakan-rakannya yang mengalami '*mismatch*' stail pengajaran-pembelajaran (Felder, 1993). Dengan demikian dijangkakan bahawa kecenderungan stail pembelajaran boleh menjadi salah satu faktor yang menentukan pencapaian akdemik seseorang pelajar.

Kecenderungan stail pembelajaran seseorang pada sesuatu masa boleh berubah dan amat dipengaruhi oleh pengalaman lalunya dan juga persekitaran semasanya (Honey and Mumford, 1995). Oleh yang demikian dijangkakan kecenderungan stail pembelajaran pelajar-pelajar adalah berbeza mengikut aliran program pengajian yang diikutinya dan lama pengajiannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk

i. Untuk mengenal pasti stail pembelajaran pelajar UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka.
ii. Untuk mengenal pasti stail pembelajaran yang paling dominan yang diaplikasikan oleh pelajar UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka.
iii. Untuk membuat perbandingan dan kajian korelasi antara stail pembelajaran dengan program yang diikuti oleh pelajar.
iv. Untuk mencadangkan pendekatan penambahbaikan pengajaran berdasarkan stail pembelajaran pelajar.

KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan mengetahui kecenderungan stail pembelajaran pelajar-pelajarnya, sesuatu institusi itu akan dapat menggunakan sepenuhnya kekuatan-kekuatan yang wujud sinkronis dengan stail yang digemari tersebut, untuk menjadikan proses pengajaran-pembelajaran lebih berkesan. Sebarang

kelemahan/kekurangan yang berkaitan dengan stail berkenaan akan dapat diusahakan untuk ditangani sebelum ia menyerlahkan diri dan mengganggu keberkesanan pembelajaran.

Dalam kajian ini responden terdiri daripada pelajar-pelajar UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka. Kesemuanya pelajar Bumiputera. Oleh yang demikian hasil kajian ini akan dapat memberi manfaat ke arah langkah-langkah meningkatkan pencapaian pelajar Bumiputera, khasnya di UiTM Cawangan Pahang. Hal ini kerana, berdasarkan hasil kajian kelak, para pensyarah akan lebih mengetahui kecenderungan stail pembelajaran pelajarnya, dan menyesuaikan dengan stail pengajarannya. Pengetahuan tentang kecenderungan stail pembelajaran para pelajar juga berpotensi bagi membantu dalam penambahbaikan rekabentuk sesuatu kursus yang ditawarkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah kaedah penyelidikan deskriptif iaitu kajian dilakukan untuk mendapatkan maklumat semasa sesuatu fenomena (Ary et. Al, 1990 dan Mohd Majid Konting, 1990). Dalam kajian ini, penyelidik akan cuba mendapatkan maklumat tentang stail pembelajaran pelajar-pelajar. Kajian secara kuantitatif digunakan digunakan dalam kajian ini melalui soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar.

Stail pembelajaran yang diperkenalkan oleh Honey dan Mumford (1983) hasil pengubahsuaiannya terhadap Model Pengalaman Pembelajaran oleh Kolb dan Fry telah digunakan sebagai kerangka konseptual penyelidikan ini. Menurut Honey dan Mumford (1983) stail pembelajaran diklasifikasikan kepada empat jenis iaitu aktivis, reflektor, teoris dan pragmatis.

Populasi dan Sampel

Populasi bagi penyelidikan ini ialah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Terdapat seramai 3820 orang pelajar yang berdaftar dengan UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka pada tahun 2000 (Rekod Pelajar Bahagian HEA UiTM Pahang). Bagi tujuan penyelidikan, persampelan rawak berlapis digunakan. Sampel diambil berdasarkan program pelajar. Sebanyak 1000 set soal selidik diedarkan kepada responden. Walau bagaimanapun hanya 493 set soal selidik yang dikembalikan.

Peralatan Kajian

Dalam penyelidikan ini model stail pembelajaran yang dikemukakan oleh Honey dan Mumford (1995) digunakan. Soal-selidik *'Learning Style Questionaire (LSQ)'*, yang telah mereka bangunkan digunakan dalam kajian

ini bagi menilai kecenderungan relatif responden terhadap empat stail pembelajaran dalam model ini. LSQ ini telah diuji kebolehpercayaannya (*reliability*) dan digunakan oleh ramai penyelidik dalam kajian mereka. Sebanyak dua puluh soalan telah dibina untuk mengukur sama ada seseorang itu memiliki ciri-ciri stail pembelajaran jenis aktivis, reflektor, teoris dan pragmatis..

Tiga pemboleh ubah demografi digunakan untuk tujuan perbandingan. Pemboleh ubah jantina akan digunakan untuk membandingkan stail pembelajaran pelajar lelaki dengan pelajar perempuan sama ada terdapat persamaan atau perbezaan. Begitu juga dengan pemboleh ubah demografi program pengajian, perbandingan akan dibuat seperti yang dilakukan terhadap pemboleh ubah jantina.

Kebolehpercayaan Alat Pengukuran

Jadual 1 menunjukkan perbandingan keputusan nilai alfa yang diperolehi untuk untuk prauhi dan uji sebenar bagi soal selidik yang digunakan. Keputusan ini menunjukkan alat pengukur mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1: Nilai Alpha Prauji dan Uji Sebenar

Prauji		**Uji Sebenar**	
N	r	N	r
15	0.8936	94	0.8506

Penganalisisan Data

Bagi tujuan analisis secara keseluruhan, mod bagi setiap stail pembelajaran akan dikira bagi menentukan stail pembelajaran yang manakah lebih dominan dan akan digambarkan dalam bentuk peratus (Ronan 1990). Min juga digunakan bagi melihat skor stail pembelajaran secara purata bagi kesemua responden. Ujian t telah juga digunakan bagi melihat perbezaan stail pembelajaran antara program dan jantina pelajar. Untuk menentukan korelasi antara stail pembelajaran dengan program pelajar, ujian Khi Kuasa Dua digunakan.

HASIL KAJIAN


Profil Responden

Jadual 2 memaparkan taburan responden mengikut program pengajian, bahagian dan jantina. Program pengajian yang diikuti dibahagikan kepada kategori. Kategori sains merangkumi program Diploma Sains Komputer (DCS), Diploma Sains (DIS), Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Perkayuan (DIP) dan Pra sains. Kategori bukan sains pula terdiri daripada program Diploma Perakaunan (DIA), Diploma Pengurusan Ladang (DPIM), Diploma Teknologi Pejabat (OM), Diploma Kajian Perniagaan (DBS), Diploma Kajian Perniagaan (Insuran) (DBSI) dan Diploma Perbankan (DIB).

Jadual 2 Profil responden


	Bhg. 2		Bhg. 3		Bhg. 4		Bhg. 5		Bhg. 6		Jum.
KURSUS	**siswa**	**siswi**	**siswa**	**siswi**	**siswa**	**siswi**	**siswa**	**siswi**	**siswa**	**siswi**	
DIA	7	12	7	40	5	11	5	21	13	23	144
DCS		7	2	7	5	12	7	15	2	5	62
DPIM	7	6	9	2	7	3	2	2		7	45
OM		2		7		25		7			41
DBS	1	12	6	10	2	5					36
DBSI	1	2	2	8	2	5					20
DIB	4	2	5	4	2	7					24
DIS	2	9	2	14	2	6	3	7	2	6	53
DKA		2	3	13	6	3					27
DIP	2	2	6	2	2	3	4	2	7	4	34
P-SAINS	3	4									7

Rajah 1 menunjukkan taburan responden mengikut tempat kediaman asal. Dari rajah tersebut, didapati bahawa 53% responden adalah dari Luar Bandar , 39% adalah dari Bandar dan hanya 8% adalah berasal dari Bandaraya.



Rajah 1.Taburan Responden Mengikut Tempat Asal

Rajah 2 pula menunjukkan taburan responden mengikut pendapatan keluarga. Keputusan menunjukkan majoriti (lebih 53%) responden datag daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM 6000.00.



Rajah 2 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Keluarga

Stail Pembelajaran Keseluruhan Responden

Min Skor Setiap Stail Pembelajaran

Kajian juga ingin mengenal pasti stail pembelajaran responden di UiTM Pahang berdasarkan min skor setiap stail pembelajaran bagi keseluruhan responden. Dalam 'Learning Styles Questionnaires' (LSQ), skor maksimum bagi setiap stail ialah 20. Perbandingan juga dibuat dengan min skor norma yang dicadangkan oleh Honey dan Mumford (1995).

Jadual 3. Min Skor Stail Pembelajaran Berbanding Dengan Min Skor Norma Dari Honey dan Humford

	Norma*		**Sampel**	**Sampel**	
Jenis	**Lelaki**	**Perempuan**	**Responden**	**Siswa**	**Siswi**
Aktivis	9.0	9.6	10.85	11.07	10.76
Reflektor	12.9	12.9	16.28	15.60	16.57
Teoris	12.5	12.0	14.15	13.89	14.27
Pragmatis	13.6	13.0	13.41	13.33	13.45


**Dari Honey and Mumford*

Dari jadual 3, hasil kajian menunjukkan stail pembelajaran secara keseluruhan responden adalah jenis reflektor dengan min skor 16.28. Ini diikuti oleh stail pembelajaran jenis teoris dengan min skor 14.15 dan jenis pragmatis dengan min skor 13.41, dan seterusnya jenis aktivis dengan min skor 10.85. Dapatan adalah konsisten dengan dapatan yang diperolehi

dalam analisis sebelum ini yang mendapati secara keseluruhannya, kebanyakan responden adalah sangat cenderung kepada stail pembelajaran reflektor dan diikuti oleh jenis-jenis yang lain. Bagi responden siswa, min skor bagi jenis reflektor ialah 15.60 dan jenis teoris, aktivis dan pragmatis masing-masing min skornya ialah 13.89, 13.33 dan 11.07. Bagi responden siswi, min skor bagi jenis reflektor ialah 16.57 dan jenis teoris, aktivis dan pragmatis masing-masing min skornya ialah 14.27, 13.45 dan 10.76. Kedua-dua dapatan ini juga sama dengan dapatan yang diperolehi dalam analisis sebelum ini yang menunjukkan responden siswa dan siswi masing-masing lebih cenderung kepada stail pembelajaran jenis reflektor dan diikuti oleh yang lain-lainnya.

Stail Pembelajaran Pelajar Yang Paling Dominan

Rajah 3 menunjukkan keputusan 'Learning Styles Questionnaires' (LSQ) keseluruhan sampel. Keputusan LSQ keseluruhan sampel mendapati bahawa 61.7% sampel pelajar sangat cenderung kepada stail reflektor. Ia diikuti oleh 11.4% sampel pelajar cenderung kepada stail teoris dan 6.9% sampel pelajar cenderung kepada stail pragmatis. Hanya 4.9% sampel pelajar yang diklasifikasikan sebagai stail aktivis. Namun begitu terdapat peratus yang agak tinggi iaitu 15.2% sampel pelajar yang memilih untuk tergolong sebagai mereka yang menggunakan dua atau lebih stail pembelajaran yang dinamakan sebagai stail pembelajaran campuran.




Rajah 3 Stail Pembelajaran Keseluruhan Responden

Perbandingan Stail Pembelajaran Di antara Responden Siswa dan Siswi

Perbandingan di antara pelajar siswa dan siswi ditunjukkan dalam Rajah 4. Perbezaan yang signifikan dalam peratus dapat dilihat di antara siswa dan siswi. Dapatan menunjukkan 65.6% responden siswi adalah reflektor berbanding dengan 52.4% responden siswa. Namun begitu, corak yang berbeza dapat dilihat bagi stail pembelajaran yang lain. Secara relatif, responden siswa menunjukkan peratus yang lebih tinggi bagi stail


pembelajaran aktivis, teoris dan pragmatis berbanding responden siswi. Peratus responden siswa bagi aktivis, teoris dan pragmatis masing-masing adalah 6.8%, 14.3% dan 19%. Peratus ini juga adalah lebih tinggi daripada peratus keseluruhan responden. Manakala, peratus bagi responden siswi masing-masing adalah 4.0%, 10.1% dan 13.6%.



Rajah 4 Stail Pembelajaran Siswa dan Siswi

Perbandingan Stail Pembelajaran Antara Pelajar Sains dan Bukan Sains.

Rajah 5 menunjukkan bahawa stail pembelajaran yang digemari oleh pelajar sains dan bukan sains ialah reflektor. Walau bagaimanapun, bagi responden dalam kajian ini didapati bahawa 64.9% pelajar bukan sains memilih stail reflektor berbanding dengan hanya 57.9% pelajar sains. Bagi stail pembelajaran aktivis dan teoris, didapati peratus pelajar sains lebih tinggi berbanding dengan pelajar bukan sains. Carta menunjukkan bahawa 5.3% pelajar sains adalah aktivis berbanding dengan hanya 4.5% pelajar bukan sains. Bagi stail teoris, didapati 14.0% pelajar sains adalah teoris berbanding dengan hanya 9.1% pelajar bukan sains. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan peratus yang signifikan di antara pelajar sains dan bukan sains bagi stail pragmatis.



Rajah 5 Stail Pembelajaran Mengikut Bidang Pengajian

Pengujian Perbezaan Min Skor Stail Pembelajaran Antara Responden Siswa dan Siswi

Ujian-t Sampel Tak Bersandar dijalankan ke atas data yang diperolehi. Keputusan ujian adalah seperti di dalam Jadual 4. Daripada jadual tersebut, didapati bahawa **terdapat perbezaan min skor yang signifikan** hanya bagi jenis stail pembelajaran reflektor di antara responden siswa dan siswi. Analisis menunjukkan bahawa min skor siswi adalah **lebih tinggi** berbanding dengan min skor siswa. Analisis terhadap jenis stail pembelajaran yang lain menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang min skor yang signifikan.

Jadual 4. Pengujian perbezaan min skor stail pembelajaran antara siswa dan siswi.

Jenis	$\bar{X}_1$	$\bar{X}_2$	s_1	s_2	n_1	n_2	Nilai t	Sig.(2-tailed)
Aktivis	11.07	10.76	3.5	3.1	147	346	0.979	0.328
Reflektor	15.60	16.57	3.02	2.50	147	346	-3.419	0.01
Teoris	13.89	14.27	2.57	2.86	147	346	-1.369	0.172
Pragmatis	13.33	13.45	2.64	2.70	147	346	-0.448	0.654

$\bar{X}_1$: min skor responden siswa; $\bar{X}_2$: min skor responden siswi.

s_1 : sisihan piawai responden siswa; s_2 : sisihan piawai responden siswi.

n_1 : saiz sampel responden siswa; n_2 : saiz sampel responden siswi

$p \leq 0.05$

Pengujian Perbezaan Min Skor Stail Pembelajaran Antara Pelajar Sains dan Bukan Sains.

Ujian-t Sampel Tak Bersandar dijalankan ke atas data. Keputusan yang diperolehi adalah seperti dalam Jadual 5. Ujian ini dijalankan bagi membandingkan min skor stail pembelajaran di antara responden pelajar sains dan bukan sains menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara dua responden ini.

Jadual 5. Pengujian perbezaan min skor stail pembelajaran antara pelajar sains dan bukan sains

Jenis	$\bar{X}_1$	$\bar{X}_2$	s_1	s_2	n_1	n_2	Nilai t	Sig.(2-tailed)
Aktivis	10.86	10.84	3.16	3.28	228	265	-0.090	0.928
Reflektor	16.07	16.45	2.79	2.62	228	265	1.552	0.121
Teoris	14.17	14.14	2.82	2.75	228	265	-0.093	0.926
Pragmatis	13.42	13.40	2.86	2.53	228	265	-0.053	0.958

$\bar{X}_1$: min skor responden pelajar sains; $\bar{X}_2$: min skor responden pelajar bukan sains.

s_1 : sisihan piawai responden pelajar sains; s_2 : sisihan piawai responden pelajar bukan sains.

n_1 : saiz sampel responden pelajar sains; n_2 : saiz sampel responden pelajar bukan sains.

Pengujian Perbezaan Min Skor Stail Pembelajaran Siswa Antara Pelajar Sains dan Bukan Sains.

Ujian-t Sampel Tak Bersandar dijalankan menghasilkan keputusan seperti dalam Jadual 6. Ujian yang dijalankan bagi membandingkan min skor stail pembelajaran responden siswa di antara pelajar sains dan bukan sains menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara dua responden ini.

Jadual 6. Pengujian perbezaan min skor stail pembelajaran responden siswa di antara pelajar sains dan bukan sains.

Jenis	$\bar{X}_1$	$\bar{X}_2$	s_1	s_2	n_1	n_2	Nilai t	Sig.(2-tailed)
Aktivis	11.24	10.84	3.44	3.59	85	62	-0.678	0.499
Reflektor	15.36	15.92	3.10	2.90	85	62	1.101	0.273
Teoris	13.95	13.81	2.55	2.61	85	62	-0.341	0.734
Pragmatis	13.42	13.19	2.81	2.4	85	62	-0.521	0.603

$\bar{X}_1$: min skor responden siswa pelajar sains; $\bar{X}_2$: min skor responden siswa pelajar bukan sains.

s_1 : sisihan piawai responden siswa pelajar sains; s_2 : sisihan piawai responden siswa pelajar bukan sains.

n_1 : saiz sampel responden siswa pelajar sains; n_2 : saiz sampel responden siswa pelajar bukan sains

Pengujian Perbezaan Min Skor Stail Pembelajaran Responden Siswi Antara pelajar Sains dan Bukan Sain.

Ujian-t Sampel Tak Bersandar telah dijalankan terhadap data. Keputusan yang diperolehi adalah seperti dalam Jadual 7. Ujian ini dijalankan bagi membandingkan min skor stail pembelajaran responden siswi di antara pelajar sains dan bukan sains menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara dua responden ini.

Jadual 7. Pengujian perbezaan min skor stail pembelajaran siswi di antara pelajar sains dan bukan sains.

Jenis	$\bar{X}_1$	$\bar{X}_2$	s_1	s_2	n_1	n_2	Nilai t	Sig.(2-tailed)
Aktivis	10.64	10.84	2.97	3.19	143	203	0.573	0.567
Reflektor	16.50	16.62	2.51	2.51	143	203	0.436	0.663
Teoris	14.29	14.25	2.97	2.79	143	203	-0.151	0.880
Pragmatis	13.41	13.49	2.90	2.56	143	203	0.187	0.852

$\bar{X}_1$: min skor responden siswi pelajar sains; $\bar{X}_2$: in skor responden siswi pelajar bukan sains.

s_1 : sisihan piawai responden siswi pelajar sains; s_2 : sisihan piawai responden siswi pelajar bukan sains.

n_1 : saiz sampel responden siswi pelajar sains; n_2 : saiz sampel responden siswi pelajar bukan sains.

Hubungan antara stail pembelajaran dengan jantina, jenis kursus yang diambil dan peringkat semester yang dihadiri.

Kajian juga ingin mengenal pasti sama ada terdapat hubungan di antara stail pembelajaran dengan jantina, jenis kursus program yang diambil dan peringkat semester yang dihadiri. Di sini data dianalisis dengan menggunakan statistik Chi-Square yang menghasilkan keputusan seperti dalam Jadual 8 di bawah.

Jadual 8.Pengujian statistik Chi-Square di antara jenis stail pembelajaran dan jantina, jenis kursus dan peringkat semester yang dihadiri.

Perkara	Nilai Pearson Chi-Square	Asymp. Sig. (2-sided)
Jantina	8.245	0.083
Jenis Kursus (sains dan bukan sains)	3.889	0.421
Peringkat semester	22.041	0.142

Pengujian yang dijalankan bagi menentukan sama ada wujud hubungan di antara jenis stail pembelajaran dengan faktor-faktor seperti jantina, jenis kursus (sains dan bukan sains) dan peringkat semester yang dihadiri menunjukkan tiada hubungan yang signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa jenis kecenderungan stail pembelajaran pelajar siswa dan siswi UiTM Pahang adalah tak bersandar kepada jantina, jenis kursus dan peringkat semester mereka.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Perbincangan dan Kesimpulan

Analisis bagi stail pembelajaran pelajar UiTM Pahang yang paling dominan menunjukkan bahawa siswa dan siswi lebih cenderung kepada jenis stail reflektor, kemudian diikuti oleh jenis gabungan dua atau lebih stail, jenis teoris, jenis pragmatis dan akhir sekali jenis aktivis. Kecenderungan pelajar terhadap stail reflektor adalah sama seperti keputusan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain seperti Nessan Ronan (1996), Moelwyn dan Huges (1990), dan Lucas (1998), walaupun responden mereka dari negara lain. Oleh yang demikian, kecenderungan stail pembelajaran para pelajar dari negara lain ini adalah sama dengan stail pembelajaran pelajar Universiti Teknologi Mara Kampus Jengka.

Daripada kajian ini didapati stail pembelajaran jenis refelektor merupakan stail pembelajaran yang paling banyak diamalkan. Fenomena ini membenarkan salah satu kriteria pelajar dewasa iaitu mempunyai pengalaman yang banyak, yang dibawa bersama ketika berada dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Moore dan Waldron 1981). Dengan pengalaman yang banyak ini akan membuatkan mereka lebih bersifat berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan. Selalunya masa yang

agak panjang diperlukan untuk melakukan sesuatu bagi menjamin hasil yang bermutu. Mereka tidak mahu melakukan kesalahan yang boleh menjatuhkan maruah diri mereka di kalangan pelajar lain. Sifat-sifat ini merupakan ciri-ciri penting bagi reflektor. Fenomena ini juga menyebabkan stail pembelajaran jenis aktivis paling sedikit diamalkan kerana mereka tidak mahu bersikap terburu-buru yang akan mungkin membawa kesan buruk terhadap diri mereka.

Manakala, analisis yang dilakukan terhadap min skor setiap stail pembelajaran menghasilkan keputusan yang sama di mana siswa dan siswi UiTM Pahang juga lebih cenderung kepada stail reflektor, diikuti oleh teoris, jenis pragmatis dan jenis aktivis. Keputusan ini boleh diterima kerana pengalaman para penyelidik jelas mendapati pelajar siswa dan siswi UiTM Pahang secara khususnya mempunyai sikap yang konsisten dengan jenis stail pembelajaran yang dibincangkan di atas. Pelajar siswa dan siswi UiTM lebih berminat untuk mendengar kuliah dan hanya akan bertindak apabila disuruh oleh pensyarah. Jarang sekali penyelidik menemui pelajar yang aktif dan cepat bertindak apabila berakhirnya sesuatu kuliah. Sesuatu yang perlu diberi perhatian dari kajian ini ialah bagi jenis stail pembelajaran reflektor siswi UiTM adalah lebih cenderung kepada jenis reflektor berbanding siswa.

Namun begitu, dapatan kajian di atas menunjukkan kecenderungan jenis stail pembelajaran yang dipilih oleh siswa dan siswi tidak bersandar atau bebas dari faktor-faktor seperti jantina, jenis kursus dan peringkat semester yang dihadiri oleh mereka. Penyelidik mengandaikan terdapatnya faktor-faktor lain yang mungkin lebih mempengaruhi pemilihan jenis stail pembelajaran.

Implikasi

Berdasarkan hasil kajian yang dibincangkan dalam penyelidikan ini beberapa implikasi dapat dijelaskan terhadap suasana pengajaran dan pembelajaran di Universiti Teknologi Mara Kampus Jengka.

Pelajar-pelajar didapati memiliki keempat-empat stail pembelajaran tersebut cuma kadarnya sahaja yang berbeza antara setiap stail pembelajaran. Oleh sebab stail pembelajaran jenis reflektor merupakan stail pembelajaran yang paling dominan di kalangan pelajar, iaitu seramai 61.7%, maka suasana pengajaran dan pembelajaran tidak berapa aktif. Kebanyakan pelajar lebih berhati-hati untuk membuat sebarang keputusan. Mereka memerlukan masa yang agak panjang untuk melaksanakan sesuatu tugasan bagi menjamin keputusan yang baik.

Para pelajar di Universiti Teknologi Mara Kampus Jengka ini mungkin lebih gemar suasana pengajaran dan pembelajaran yang bersifat berstruktur dan mempunyai garis panduan yang jelas yang boleh membimbing mereka mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Hal ini bermakna, suasana pengajaran dan pembelajaran yang mendesak mereka berbuat sesuatu dalam masa yang singkat tanpa persediaan yang rapi tidak

akan membantu mereka untuk belajar dengan baik (Honey dan Mumford 1983). Keadaan menjadi bertambah buruk sekiranya mereka disuruh melakukan sesuatu aktiviti dengan peruntukan masa yang terhad. Pelajar di Universiti Teknologi Mara Kampus Jengaka ini dijangka tidak akan dapat melakukannya dengan baik.

Di samping stail jenis reflektor yang mendominasi stail pembelajaran di Universiti Teknologi Mara Kampus Jengka ini, stail pembelajaran jenis teoris juga merupakan stail pembelajaran yang banyak diaplikasikan. Sebagai imlplikasinya, para pelajar akan belajar dengan baik sekiranya isi pelajaran tersebut adalah bersangkut paut dengan sistem, model, konsep dan teori; pelajar diberi masa untuk mencari perkaitan dan perhubungan antara idea, peristiwa dan keadaan; diberi peluang bersoal jawab tentang logik sesuatu perkara; berada dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang tersusun serta mempunyai objektif yang jelas; diberi peluang menganalisis dan membuat generalisasi tentang sesuatu; dan apabila pelajar dihehendaki memahami serta mengambil bahagian dalam suasana yang kompleks.

Walau bagaimanapun pelajar-pelajar tersebut tidak dapat belajar dengan baik sekiranya mereka disuruh melakukan sesuatu tanpa matlamat yang jelas; melibatkan diri dalam situasi yang mementingkan emosi melibatkan diri dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang tidak tersusun rapi; membuat keputusan tanpa prinsip yang asas; belajar dengan pelajar yang lemah darjah kecerdasannya dan belajar sesuatu yang tidak mempunyai kesahan yang tinggi.

Pelajar-pelajar bidang sains didapati lebih memiliki stail pembelajaran aktivis berbanding pelajar-pelajar bukan sains. Implikasinya pelajar-pelajar sains akan belajar dengan baik sekiranya perkara yang dipelajari itu memberi pengalaman atau idea baru kepada mereka; mereka boleh melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti seperti tugasan kumpulan yang mencabar; dan sekiranya mereka diberi peluang untuk menjana idea tanpa batasan masa.

CADANGAN

Beberapa cadangan dapat ditujukan kepada para pelajar, para tenaga pengajar serta penyelidik yang lain. Para pelajar seharusnya menyesuaikan stail pembelajaran mereka dengan suasana serta stail pengajaran pensyarah mereka. Hal ini kerana stail pembelajaran boleh dimodifikasi (Tennant 1998). Para pelajar perlu mengorbankan kebiasaan stail pembelajaran untuk disesuaikan dengan stail pembelajaran berlaku dengan berkesan. Sekiranya pelajar tetap dengan stail pembelajaran mereka tanpa mempedulikan suasan serta stail pengajaran pensyarah mereka akibatnya mereka akan berasa kecewa dan mungkin mendorong mereka untuk meninggalkan kuliah atau pun berhenti terus daripada mengikuti program mengajian.

Para pensyarah pula perlu membuat kajian tentang stail pembelajarn pelajarnya bagi setiap kelas yang dikendalikan. Dengan adanya maklumat stail pembelajaran pelajarnya, mereka boleh merancang stail pengajaran yang sesuai dengan stail pembelajaran pelajar tersebut. Sebagai contoh, majoriti pelajar dalam kelasnya ialah pelajar yang mengamalkan stail pembelajran aktivis, maka beliau harus memberi peluang pada pelajar tersebut melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran semaksimum mungkin di samping memperkenalkan perkara-perkara baru dan bersifat lebih mencabar. Sebagai hasilnya, para pelajar akan dapat megikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan jayanya.

1. Pensyarah harus mengetahui dan memahami kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahan setiap jenis stail pembelajaran. Dengan itu ia boleh membantu memanfaatkan sepenuhnya kekuatan stail pembelajaran pelajarnya. Di samping itu beliau dapat membantu pelajar menangani kelemahan-kelemahan yang ada.
2. Dalam menyediakan modul-modul pengajaran, stail pembelajaran yang dominan bagi kumpulan pelajar sasaran haruslah diambil kira. Dengan ini modul akan dapat dimanfaati dengan lebih lagi oleh pelajar.

CADANGAN PENYELIDIKAN SELANJUTNYA

Bagi penyelidikan yang akan datang terdapat banyak aspek yang boleh dikaji yang berkaitan dengan stail pembelajaran. Antaranya ialah yang melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, dan pelajar peringkat sarjana muda. Dengan ini, suatu data lengkap akan dapat diperolehi tentang stail pembelajaran pelajar-pelajar di semua peringkat pengajian dalam sistem pembelajaran negara kita. Dengan ini, ia dapat membantu memberi input yang lengkap kepada pihak berwajib dalam membuat perancangan berkaitan pendidikan di negara kita.

Kajian perbandingan stail pembelajaran mengikut etnik juga boleh dibuat. Hal ini penting dalam menentukan punca kewujudan sitgma bahawa pencapaian pelajar bumiputera di semua peringkat adalah rendah dibanding pelajar bukan bumiputera. Tinjauan boleh dibuat bagi menentukan sama ada stail pembelajaran adalah salah satu faktor penyumbang.

Para penyelidik berpendapat kajian ini sewajarnya disambung dengan skop yang lebih menyeluruh, contohnya dengan memantau dan menganalisis pelajar siswa dan siswi yang sama dalam kumpulan yang sama bermula pelajar ini dari bahagian satu hinggalah pelajar ini tamat pengajiannya dari UiTM Pahang. Penyelidik mendapati bahawa keputusan kajian yang dijalankan tidak mencukupi untuk merumuskan bahawa persekitaran dan tempoh pengajian mungkin mempengaruhi jenis stail pembelajaran siswa dan siswi UiTM Pahang.

RUJUKAN

Ary, D.L.C.& Razaviah, A. (1990). *Introduction to Reasearch in Education.* (4th ed). Forth Worth: Holt, Rinchard and Winston, Inc.

Artherton James (2000). The Experiential Learning Cycle, http://www.dmu.ac.uk/~jamesa/learning/experien.html.

DeBello, T.C. (1990). Comparison of Eleven Major Learning Styles Models: Variables,

Approriate Populations, Validity of Instrumentation, and the Research Behind Them; Journal of Reading, Writing and Learning Disabilities, 6:203-222

Duff Anggus (2000). Learning Styles of UK Higher Education Students, Bristol Business School Teaching and Research Review Issue 3, Summer 2000, ISSN 1468-4578

Felder R.M. (1993). Reaching The Second Tier. Learning and Teaching Styles in College Science Education, J.College Scince Teaching, 23(5), 286-290

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan,* Kuala Lumpur: DBP

Moore G.A.B.& Waldron M.W. (1981). *Helping Adult Learn,* Ontario:Office For Educational Practice University of Guelph

Mumford A. (1990). *Making Experience Pay Management Success Through Different Learning,* London: McGraw-Hill Book Company

Mumford A. (1994). *Gower Handbook of Management Developement,* Hamphire: Gower

Ronan Nessan (1996). *Learning Styles and Academic Performance in an African University,* dalam Research in Education An Interdiciplinary International Research Journal, 5-6 Nov 1996, England: Manchester University Press

Tennant M. (1998). *Psychology and Adult Learning,* London: Routledge

Alamat semasa: [1]Pusat Perkembangan Pendidikan UiTM, Intekma Resort, Seksyen 7 Shah Alam; [2]Pusat Pendidikan Antarabangsa (INTEC), UiTM Kampus Seksyen 17, Shah Alam.